



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	21/09/2012

Innocence of Muslims dan penyatuan UMNO-Pas

UM - 21/9/2012

FILEM *Innocence of Muslims* yang menghina Nabi Muhammad SAW telah mendapat bantahan umat Islam di seluruh dunia. Malahan di sesetengah negara sehingga berlaku pembunuhan dan kematian. Di Malaysia, pelbagai pihak termasuk parti-parti politik prokerajaan dan pembangkang terutama UMNO dan Pas masing-masing turut menyuarakan bantahan mereka.

Dalam pada itu, puluhan penulis blog telah turut menyuarakan bantahan mereka terhadap kenyataan Pengerusi DAP Perak, Datuk Ngeh Koo Ham yang memperlekeh protes umat Islam di seluruh dunia terhadap pihak yang menghina Islam. Malahan ada penulis yang lantang enggan menerima permohonan maaf Koo Ham itu.

Kenyataan ringkas di dalam Twiternya itu ternyata mengundang kemarahan umat Islam di negara ini. Malahan rakan sekutunya dalam Pas turut menyuarakan rasa tidak senang terhadap kenyataan Koo Ham itu.

Dalam hal ini, **Dr. Ismail Ibrahim** (*prof-ismail.blogspot.com*) memuji sikap umat Islam di negara ini yang menangani isu ini dengan sabar dan tenang tetapi tidak bermakna mengambil mudah pihak-pihak yang bersikap anti-Islam baik secara langsung mahupun tidak langsung.

"Bahawa inilah sikap dan pendirian serta

Suara Blog

bersama
LUKMAN ISMAIL
lukman@utusan.com.my



kefahaman kita sebagai umat yang bersifat wasatiyyah, iaitu sebagai umat yang terpilih lagi adil dalam menghadapi segala situasi, termasuk dalam saat-saat kritikal dan rumit menentang permusuhan dan kecaman orang lain terhadap kita.

"Namun... apakah ketika kita kelihatan amat tenang dan rasional dalam krisis filem ini, kita juga akan dapat mengurus krisis ini ketika kita menghadapi saat kecemasan ketika kita sesama kita, iaitu umat Islam sesama umat Islam, bertelagah dan berselisih di antara kita sendiri?"

"Atau dengan ibarat yang lebih jelas apakah kita dapat mengurus dan mengawal kemarahan kita ketika Melayu bertelagah sesama Melayu seperti yang berlaku di dalam dunia politik sempit kita pada masa kini?" katanya.

Blog **Selangor Daily** (*www.selangordaily.com*) pula melihat isu penyariran *Innocence of Muslims* membawa hikmah kepada

umat Islam di negara ini apabila buat pertama kalinya sayap pemuda parti politik Melayu dan Islam terbesar iaitu UMNO dan Pas bersatu suara menyampaikan bantahan terhadap tindakan menghina Islam.

Katanya, kerana isu filem tersebut Pas dan UMNO telah melupakan persengketaan kedua-dua parti berkenaan sejak sekian lama dan memilih untuk bergabung dan berganding bahu membuat bantahan terhadap penerbitan filem tersebut dan berharap ia sebagai langkah permulaan ke arah penyatuan umat Islam di negara ini.

"Sekarang sudah jelas kerana isu inilah Pas dan UMNO telah melupakan kepertanian masing-masing dan mereka bergabung dan berganding bahu membuat bantahan demi kecintaan kita kepada Nabi Muhammad SAW! Semoga ini langkah mula penyatuan semula umat Islam di negara kita ini. In-sya-Allah," katanya.

Walaupun akhirnya perhimpunan bantahan anjuran Pemuda UMNO dan Pas ini diadakan di tempat berasingan atas alasan keselamatan, namun wujudnya komunikasi antara kedua-dua pemimpin terabit berhubung isu melibatkan kepentingan Islam sudah memadai untuk langkah selanjutnya.

Malahan kesepakatan antara Pemuda Pas dan UMNO itu turut mendapat sokongan

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat. Bak kata blog **Belantan** (*belantan.blogspot.com*), sokongan oleh Menteri Besar Kelantan itu memang mengejutkan memandangkan selama ini beliau enggan berbaik dengan UMNO hanya kerana mengperjuangkan bangsa Melayu.

Isu susulan beberapa kenyataan pemimpin tertinggi Pas itu akhir-akhir ini yang mula bercakap mengenai kepentingan Melayu dan perjuangan terhadap bangsa tersebut.

"Begitulah Nik Aziz yang sedang menghabiskan masa tuanya untuk menentang UMNO, parti politik yang sebangsa dan seagama dengannya. Tetapi sementelahan beliau tidak berbangga menjadi Melayu mungkin hati nuraninya tidak memihak kepada bangsa Melayu. Dengan kata lain, mungkin beliau menyesal dilahirkan sebagai bangsa Melayu," katanya.

Blog **Bumiyang** (*bumiyang.blogspot.com*) pula sedikit terkilan kerana penganjuran perhimpunan oleh Pas dan UMNO diadakan berasingan.

Katanya, "takut lawan masing-masing akan dapat manfaat politik yang lebih, Pemuda UMNO dan Pas bersetuju untuk melakukannya secara berasingan.

"Mungkin juga disebabkan sindrom takutkan komponen parti-parti politik ma-

sing-masing, maka ia terpaksa dilakukan secara berasingan. Yang jelas Ngeh dapat tersenyum puas!" katanya sinis.

Sementara itu **Zainuddin Maidin** (*zain-kata.blogspot.com*) menyentuh tentang kenyataan Penasihat DAP, Lim Kit Siang berhubung pelaksanaan hukum hudud seperti yang diperjuangkan oleh rakan sekutunya dalam pakatan pembangkang, Pas.

Katanya, Kit Siang meyakinkan orang bukan Islam terutamanya orang Cina, bahawa hukum Hudud tidak boleh dilaksanakan di Malaysia dari segi logik perundangan dan juga keanggotaan orang Islam dalam Parlimen.

"Posting terkini dalam blognya dengan keras menuduh Presiden MCA, Chua Soi Lek memainkan peranan pemusnah seperti *Utusan Malaysia* untuk menakutkan pengundi-pengundi Cina dengan pembongkaran dan penipuan yang sama caranya dengan *Utusan Malaysia* cuba menakutkan pengundi-pengundi Melayu," katanya.

Kata beliau, Kit Siang juga menafikan bahawa Pas akan meminda Perlembagaan bagi melaksanakan hukum hudud sekalipun Mursyidul Am Pas Datuk Nik Aziz dan Presiden Pas Haji Hadi berkali-kali menegaskan bahawa Pas akan tetap melaksanakannya.